

**TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**

**NAIB CANSOLOR UTeM**

---

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL GEN Y MALAYSIA DIHATIKU 2016  
PERINGKAT UTeM**

*28 Mei 2016, Dewan Besar UTeM, 10.00 pagi*

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah**

Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

**Yang Berbahagia Datuk Hj. Almain Bin Ajirul**

Timb. Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Penerangan Malaysia

**Yang Berbahagia Tuan Hj. Hashim Bin Hj. Bedu**

Pengarah Bahagian Gerak Saraf & Pengurusan Isu Jabatan  
Penerangan Malaysia

**Yang Berbahagia Encik Lim Ann Teck**

Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Melaka

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Yang Berusaha Dr Zawiah Binti Mat**  
Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

**Yang Berusaha Dr. Norliah Binti Kudus**  
Pengarah Program Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Ketua-Ketua Jabatan, Wakil Media, Staf, Para Pelajar

Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi yang penuh keberkatan ini, kita dapat sama-sama berhimpun untuk memeriahkan dan menjayakan **Majlis Perasmian Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku.**
2. Terlebih dahulu, belum terlambat untuk saya ucapkan Selamat Hari Belia kepada semua semua golongan belia di Universiti ini, yang telah disambut pada 15 Mei yang lalu.

3. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri MOSTI di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini.
  
4. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada seluruh Jawatankuasa Pelaksana peringkat UTeM dan Jabatan Penerangan Malaysia kerana sudi bekerjasama dalam menjayakan Karnival ini. Mudah-mudahan kerjasama erat UTeM dan Jabatan Penerangan Malaysia Melaka melalui penganjuran program besar ini berterusan di masa yang akan datang. Program sebegini merupakan satu wadah terbaik untuk membentuk jati diri kalangan generasi muda yang boleh kita banggakan sebagai satu bangsa Malaysia dalam usaha mengembalikan semangat jati diri dan rasa cinta akan Negara, Malaysia Dihatiku.

5. Sebagai makluman Y.B Datuk dan para hadirin sekalian, sepanjang minggu ini sahaja telah berlangsungnya dua (2) Karnival Besar di UTeM iaitu:
- Karnival Gegau Kampus Bandar UTeM yang berlangsung pada 24 hingga 26 Mei anjuran Penerbit UTeM dan semua PTj di Kampus Bandar dengan pengisian pelbagai aktiviti dan pameran; dan
  - Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku yang berlangsung pada 25 hingga 28 Mei anjuran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan dan Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat (PJIM) dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Melaka.
6. Saya yakin, melalui pengisian program dan aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival ini, bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan aspek kemahiran insaniah tetapi juga dapat menggalakkan lagi kemahiran berfikiran secara kritis dan kreatif serta

membudayakan aspek keusahawanan dan kesukarelawan di kalangan pelajar.

### **Hadirin dan Hadirat sekalian.**

7. Objektif penganjuran Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku adalah untuk memberi pendedahan kepada golongan muda khususnya mahasiswa mahasiswi UTeM mengenai kepentingan penghayatan nilai-nilai patriotisme selain mencungkil bakat kepimpinan serta kerja berpasukan melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Di samping itu, penganjuran program ini turut memberi peluang kepada mahasiswa untuk mendaftarkan diri sebagai pemilih sekaligus dapat melunaskan tanggungjawab utama mereka kepada negara. Keseluruhan pengisian program sepanjang karnival ini juga menerapkan elemen utama kemahiran insaniah yang merupakan pendekatan bersepadu di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dipelajari di universiti.

8. Karnival yang diadakan selama empat (4) hari ini telah diisikan dengan pelbagai aktiviti besar seperti Program Jom Daftar Sebagai Pemilih Di kalangan Mahasiswa dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), Forum Bicara Apa Kata Gen Y bersama tokoh pelajar, Pertandingan Larian Patriotik, Majlis Zikir Asmaul Husna, Program Ziarah Kasih, dan pelbagai lagi. Selain itu, pelajar UTeM seramai 10 orang juga telah terpilih untuk sesi rakaman rancangan TV yang membicarakan topik berkaitan jatidiri, rukunegara, perpaduan negara, sumbangan Gen Y dan cabaran Gen Y masa kini.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Kita semua mengetahui bahawa Generasi Y kini sentiasa menjadikan gadget seperti komputer dan telefon bimbit sebagai satu kewajiban dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini kerana generasi masa kini inginkan sesuatu yang pantas, yang mudah, keinginan bersuara



secara lebih bebas, lebih cenderung untuk membina hubungan di antara satu sama lain dan mudah membina hubungan walaupun dengan orang yang baru dikenali secara berinteraktif di alam maya.

10. Senario ini semestinya memberi kebaikan jika kecanggihan tersebut digunakan dengan sebaik-baiknya. Namun, jika ianya disalahgunakan, pastinya akan memberikan keburukan yang boleh merosakkan diri. Saya bersetuju, jika tiada pemantauan dan bimbingan yang betul, generasi muda khususnya golongan mahasiwa ini akan mudah menjadi sasaran pelbagai unsur negatif atau viral yang semakin menjadi trend masa kini. Akibatnya, generasi ini mudah terpengaruh dan mempercayai maklumat yang disampaikan tanpa ada keinginan untuk menapis dan berfikir dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan.
11. Tanda-tanda ini telah banyak kelihatan dan yang ketara ialah tingkah laku yang bercorak jenayah, demonstrasi jalanan, penyalahgunaan dadah, bersikap mengagungkan nilai-nilai luaran dan memandang

rendah unsur-unsur dalam negara, sekaligus menunjukkan seolah-olah generasi masa kini kurang mempunyai nilai-nilai patriotisme.

12. Justeru, saya amat yakin menerusi penganjuran program seperti Karnival Gen Y ini, dapat menyemai dan menyemarakkan lagi semangat patriotisme di kalangan warga UTeM khususnya kepada mahasiswa dan mahasiswi UTeM. Apa yang diharapkan, suatu masa nanti mahasiswa dan mahasiswi UTeM dapat mendokong kepimpinan Negara Malaysia tercinta di samping menonjolkan semangat perjuangan sepertimana yang telah dijuangkan oleh tokoh-tokoh kemerdekaan terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sebagainya agar Malaysia terus aman damai dan mampu menongkah arus globalisasi kini dengan nilai-nilai positif yang memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara umumnya. Insha Allah.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

13. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi, saya juga bagi pihak universiti mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, kerana sudi hadir merasmikan Karnival Gen Y Malaysia Dihatiku dan bersama-sama dalam majlis Forum “APA KATA GEN Y” pada pagi ini.
  
14. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Penerangan Malaysia Melaka dan Surunjaya Pilihanraya Malaysia serta barisan Jawatankuasa Pelaksana peringkat UTeM dan semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga, dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan KARNIVAL GEN Y MALAYSIA DIHATIKU.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth*.Terima kasih.